

Headline	DBKL kenal pasti 3 punca utama pokok tumbang		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	20 Oct 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	22	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	186 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,412
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,235



DBKL kenal pasti 3 punca utama pokok tumbang

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengenal pasti tiga punca utama yang menyebabkan insiden pokok tumbang di sekitar ibu negara hingga meragut beberapa nyawa, baru-baru ini.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Ahmad Phesal Talib, berkata antara punca-punca termasuk pokok lama yang ditanam ‘segera’ tanpa akar yang kukuh, pokok tumpang yang menyebabkan kematian pokok asal dan dahan pokok yang membentuk laluan angin antara bangunan.

Arah pegawai buat siasatan

“Saya sudah memberi arahan kepada pegawai untuk melakukan semakan dan periksaan terhadap pokok di sekitar ibu negara, terutama pokok yang menumpang hingga menyebabkan pokok asal mati. Antara kawasan yang sudah diambil tindakan adalah di Jalan Mahameru.

“Lokasi lain yang sudah dikenal pasti termasuk kawasan Lebuh Ampang dan Pasar Seni. Selain membuang pokok lama, DBKL juga menjarangkan kanopi pokok yang lebat untuk melancarkan laluan angin dalam kawasan bandar,” katanya ketika ditemui di Taman Botani Perdana, di sini, semalam.

90 kes pokok tumbang

“Beliau berkata, pihaknya merekodkan sebanyak 90 kes pokok tumbang sejak tahun lalu dan sudah mengambil tindakan awal untuk mencegah kejadian berkenaan berulang.

Katanya, DBKL memastikan 17 kontraktor landskap yang baharu dilantik mendapatkan nasihat pakar Arboris bagi memastikan cara penjagaan pokok, selain mendapatkan kerjasama dan nasihat Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) berkenaan jenis pokok yang sesuai ditanam dalam kawasan bandar.

“Langkah lain termasuklah memastikan pokok baharu yang ditanam berakar tunjang dan tidak lagi menggunakan kaedah tut,” katanya.

Headline	DBKL kenal pasti 3 punca utama pokok tumbang		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	20 Oct 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	22	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	186 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,412
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,235



Ahmad Phesal (dua dari kanan), bersama Timbalan Ketua Pengarah Tourism Malaysia, Datuk Azizan Noordin (kanan) dan artis dari Perancis, Marie Hugo, **melihat pantun yang dikarang Marie di pekarangan Pantun Forest selepas merasmikan 'Art in the Park Festival'** di Taman Botanikal Perdana, Kuala Lumpur.

[FOTO MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI/BH]